Mengawal Selia Bank-bank Digital

Penyertaan bank-bank digital dalam landskap perbankan Malaysia dijangka dapat merangsang inovasi dan menambah baik penyediaan perkhidmatan kewangan kepada segmen pasaran yang kurang atau tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Pada masa yang sama, Bank menyedari bahawa bank-bank digital akan memperkenalkan model perniagaan baharu yang amat bergantung pada: (i) saluran penyediaan perkhidmatan digital; (ii) analisis data untuk mendorong pemprofilan risiko dan hubungan pelanggan; serta (iii) penggunaan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk mempertingkatkan jangkauan dan pengalaman pelanggan. Perkembangan ini memerlukan tumpuan yang lebih tinggi terhadap pengurusan risiko keselamatan siber dan teknologi; penggunaan dan perlindungan data pelanggan secara bertanggungjawab; serta risiko yang timbul daripada perkongsian dengan pihak ketiga. Standard kehematan yang digunakan untuk bank-bank digital akan diselaraskan mengikut kesesuaian untuk menangani risiko-risiko ini dan pada masa yang sama memastikan bahawa sebarang risiko terhadap kestabilan sistem kewangan akan diuruskan dengan sebaiknya dan pelanggan mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Pada fasa awal atau fasa 'asas' operasi, bank-bank digital akan tertakluk pada rangka kerja pengawalseliaan yang dipermudah, yang berpadanan dengan had jumlah aset yang dikenakan terhadap aktiviti mereka. Semasa fasa ini, beberapa keperluan pengawalseliaan yang berkaitan dengan kecukupan modal, mudah tunai, ujian tekanan, tadbir urus Syariah dan penzahiran telah disesuaikan bagi memudahkan pelaksanaan keperluan tersebut dan pada masa yang sama mengekalkan tahap kehematan yang digunakan untuk bank-bank lain secara amnya. Walau bagaimanapun, bank-bank digital dikehendaki menunjukkan keupayaan untuk memenuhi kehendak yang lebih tinggi dalam pengurusan risiko teknologi dan operasi yang mencerminkan risiko khusus bagi bank-bank digital. Sebagai contoh, berikutan ketiadaan premis fizikal sebagai sokongan, bank-bank digital dikehendaki mematuhi standard yang lebih tinggi untuk daya tahan operasi dan menunjukkan mereka mampu pulih dengan cepat daripada gangguan perniagaan merentas seluruh aktiviti. Sumber dan pendekatan yang diambil oleh bank-bank digital untuk melaksanakan, menyelenggara, menilai semula dan mengemas kini kawalan keselamatan siber oleh pihak ketiga juga perlu konsisten dengan tahap kepentingan perkhidmatan itu bagi operasi bank-bank digital.

Sepanjang fasa asas, iaitu pada tiga hingga lima tahun pertama operasi bank-bank digital, sumber penyeliaan Bank akan tertumpu pada penilaian model perniagaan dan infrastruktur teknologi dari aspek kemampanan dan keupayaan mencapai skala yang lebih besar (*scalability*), serta keberkesanan kawalan dan amalan pengurusan risiko bank-bank digital dalam melaksanakan tawaran nilai mereka. Satu bidang khusus yang diberikan penekanan dari segi daya maju perniagaan dan operasi ialah pengurusan risiko penyumberan luar, terutamanya apabila terdapat kebergantungan yang tinggi pada beberapa rakan kongsi perniagaan atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Bank-bank digital juga perlu mewujudkan perancangan keluar yang berkesan bagi memastikan perniagaan dapat dibubarkan dengan teratur tanpa menggunakan dana awam dan tanpa menyebabkan gangguan pasaran. Hal ini juga akan melindungi pelanggan daripada terjejas dengan teruk sekiranya sesuatu model perniagaan atau inovasi tidak berjaya.

Kesemua lima bank digital berlesen kini sedang menjalani tempoh persediaan dan akan disahkan oleh Bank melalui audit kesediaan operasi sebelum operasi boleh dimulakan. Audit tersebut akan memastikan bahawa struktur organisasi, dasar, prosedur dan kawalan, sistem IT dan perakaunan, rancangan kesinambungan perniagaan serta aspek lain yang berkaitan dengan operasi bank-bank digital telah tersedia dan memenuhi keperluan pengawalseliaan yang berkenaan. Proses ini dijangka mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan.